

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)**

Tarikh : 7 Mac 2022 (Isnin)
Masa : 2.30 – 3.00 petang
Tempat : Microsoft Teams
Tajuk Kertas : Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap Dan Pemetongan Rumput Di Kompleks Mpc Wilayah Sarawak Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun)

KEHADIRAN:

1. Hjh Nor Hafizah Mohd Arop, Pengerusi
2. Cik Hafiza Atha Ahmad, Ahli JPH 1
3. Cik Nancy Joan, Ahli JPH 2
4. Cik Zuraini Subki, Penyedia Laporan JPH

AGENDA

1. UCAPAN ALUAN PENERUSI

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli ke mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga bagi Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap Dan Pemetongan Rumput Di Kompleks MPC Wilayah Sarawak Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun)

MAKLUMAN

2. LATAR BELAKANG PROJEK

- 2.1 Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap Dan Pemetongan Rumput bagi kompleks pejabat MPC Wilayah Sarawak akan tamat pada 31 Mac 2022
- 2.2 Tempoh kontrak adalah selama 12 bulan (1 tahun) dengan kadar sebanyak RM106,679.00 atau RM890.00 sebulan

MAKLUMAN

3. PERBINCANGAN

- 3.1 MPC Wilayah Sarawak telah membuka peluang kepada pembekal menyertai tawaran Sebutharga Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap Dan Pemetongan Rumput Di Kompleks Mpc Wilayah Sarawak Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun) bermula pada 16 – 24 Februari 2022.
- 3.2 Sebanyak tiga belas (13) pembekal telah di ditawarkan menyertai sebutharga ini dan enam (6) pembekal telah mengemukakan Sebutharga Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap Dan Pemetongan Rumput Di Kompleks Mpc Wilayah Sarawak Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun).

- 3.3 Urusetia telah membentangkan maklumat pembekal / penyebutharga dan membuat penilaian meliputi 3 kriteria utama dalam meneliti tawaran perkhidmatan iaitu:
- 3.2.1 Kriteria 1: Memenuhi spesifikasi teknikal
 - 3.2.2 Kriteria 2: Harga yang ditawarkan terendah
 - 3.2.3 Kriteria 3: Pengalaman dalam bidang berkaitan
- 3.4 Pengerusi mesyuarat bersetuju agar pengalaman dalam perkhidmatan yang berkaitan dijadikan kriteria penting dalam memastikan pembekal sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik dan setimpal dengan harga yang ditawarkan dan dapat membantu melancarkan operasi di Pejabat MPC Wilayah Sarawak.

TINDAKAN: URUSETIA

4. PENGESYORAN

- 4.1 Ahli mesyuarat telah bersetuju mengesyorkan penyebut harga 2/6 sebagai pembekal Perkhidmatan Lanskap dan Pemetongan Rumput Di Kompleks MPC Wilayah Sarawak Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun) kerana menawarkan antara harga yang terendah dan memenuhi spesifikasi teknikal serta mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan yang berkaitan.

5. PENUTUP

- 5.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.00 ptg dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

Disediakan oleh



Zuraini Subki
Penolong Pengurus
MPC Wilayah Sarawak
10 Mac 2022

Disahkan oleh



Nor Hafizah Mohd Arop
Pengarah
MPC Wilayah Sarawak
10 Mac 2022